

Gerakan pendaftaran pemilih

Dr. M: BN patuh keputusan SPR

MM - 8 OCT 1989

KUALA LUMPUR 7 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Barisan Nasional (BN) akan patuh terhadap keputusan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang tidak membenarkan parti - parti politik terlibat dalam gerakan pendaftaran pemilih.

"Kalau begitu keputusan SPR, kita ikutlah," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini petang ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN bagaimanapun berkata, beliau kluatir peraturan terbaru itu akan menimbulkan sedikit masalah dalam proses pengundian.

"Kita kluatir kadang - kadang ada orang yang hendak mengundi tidak dapat berbuat demikian kerana nama mereka tidak ada dalam senarai meng-

undi, seperti yang pernah berlaku sebelum ini," katanya.

Menjawab pertanyaan, beliau berkata, perkara tersebut tidak dibincangkan dalam mesyuarat MT hari ini.

Setiausaha SPR Haji Abdul Rashid Abdul Rahman dalam satu kenyataannya di Kota Kinabalu Rabu lalu berkata, larangan tersebut bertujuan mengelakkan campurtangan parti - parti politik untuk dapatkan pengundi yang dianggap boleh membantu mereka memenangi pilihanraya.

Menurut beliau, ia juga bertujuan mengatasi kelemahan dalam daftar pemilihan seperti penindihan nama pengundi dan persamaan nombor kad pengenalan bagi 2 atau tiga orang.

Mengenai pilihanraya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Be-

sar, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau yakin Barisan Nasional (BN) akan mengekalkan kerusi kawasan.

"Saya yakin BN akan memenangi pilihanraya kecil kawasan itu. Kita sedang bersiap sedia dan menyusun jentera bagi menghadapinya," kata beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyatakan demikian sebagai mengulas kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri Sungai Besar ekoran kematian anggotanya, Haji Abu Samah Nordin, 65, pada hari Rabu lalu.

Mengenai pilihanraya umum, beliau secara berseoroh berkata, "berbanding dengan mesyuarat MT yang lalu, mesyuarat kali ini lebih dekat dengan pilihanraya."

Menyentuh sama ada Perhimpunan Agung UMNO pada 16 November ini

akan meminda perlembagaan UMNO supaya jawatan Ketua Pergerakan dan Pergerakan Wanita dipilih dan tidak lagi dilantik seperti sekarang, beliau berkata:

"Pindaan itu tidak akan dibuat kerana setakat ini belum ada cadangan untuk berbuat demikian."

Katanya, perlembagaan UMNO sekarang adalah satu - satunya perlembagaan parti itu dan sesuai dipraktikkan pada masa sekarang.

Semasa menjawab pertanyaan, apakah UMNO ber-cadang untuk menggunakan semula perlembagaan yang digubal pada tahun 1946 beliau menegaskan, perlembagaan tersebut tidak boleh diamalkan lagi kerana ia tidak sesuai dengan keadaan sekarang dan telahpun dipinda lebih 10 kali.

"Perlembagaan yang ada sekarang memang perlembagaan UMNO setelah disesuaikan dengan keadaan semasa," tegas beliau.

Terdahulu Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, mesyuarat MT hari ini hanya membincangkan soal dalaman parti tanpa melibatkan "orang lain."

Antara perkara yang dibincangkan ialah pemilihan semula di beberapa bahagian UMNO yang terpaksa diadakan berikutan masalah "mufliis" di kalangan pemegang jawatan.

Beliau berkata, MT ber-setuju membenarkan bahagian - bahagian terlibat menghantar notis jangka pendek untuk mengadakan pemilihan semula sebelum Perhimpunan Agung UMNO yang bermula 16 No-